

# 'Saya bukan jual dadah, tapi berniaga belon'

Abang Belon persoal layanan kasar, tidak berperikemanusiaan penguat kuasa terhadapnya

Oleh **NURUL NABILA AHMAD HALIMY**  
**KUALA LUMPUR**

**P**enjual belon mempersoalkan layanan kasar dan tidak berperikemanusiaan penguat kuasa Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) terhadapnya walaupun mungkin tindakan itu dibuat atas alasan dia memiliki rekod jenayah lampau.

Muhammad Zaimuddin Azlan, 28, atau lebih dikenali sebagai Abang Belon berkata, dia hanya menjual belon demi sesuap nasi.

"Adakah kerana saya pernah ada kes, maka saya tidak boleh mencari rezeki halal? Saya bukan menjual dadah tetapi berniaga belon untuk menyara hidup. Kalau saya bekas penjenayah sekalipun, itu bukan lesen untuk sesiapa memperlakukan diri secara zalim.

"Kalau saya miskin, susah dan ada kes lampau, adakah penguat kuasa DBKL boleh layan saya seperti sampah? Adakah saya tidak berhak untuk melawan dan mempertahankan diri?" katanya dalam satu sidang akhbar selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi di sini pada Ahad.

Pemuda itu membuat laporan polis berkenaan selepas tujuh hari dirawat di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang kerana dipercayai meng-



**Muhammad Zaimuddin bercakap kepada pemberita selepas selesai melakukan laporan polis di IPD Dang Wangi pada Ahad.**

alami kecederaan serius susulan didakwa dikasari oleh penguat kuasa DBKL di hadapan pusat beli-belah Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) pada 28 Mac lalu.

Sebelum ini, tular satu video memaparkan kekecohan antara lelaki terbabit dengan anggota penguat kuasa DBKL ketika proses penyitaan barangan di tepi jalan berkenaan.

Muhammad Zaimuddin mendakwa, dalam insiden itu dia dipukul, dicekup leher dan ditendang ketika sedang berniaga belon.

Katanya, perniagaan menjual belon dilakukan secara sambilan kerana pekerjaan tetapnya sebagai kedi golf tidak mendapat banyak permintaan sepanjang bulan Ramadan.

Justeru, Muhammad Zaimuddin berkata, dia akan mempertimbangkan tindakan undang-undang terhadap pihak berkuasa demi mempertahankan maruah diri dan keluarganya.

"Terima kasih kepada semua yang mendoakan saya dan keluarga. Saya hendak berubah, bukan mudah jadi orang miskin.

"Kepada mereka yang memberi komen dan kata-kata hinaan, saya doakan agar apa yang berlaku kepada saya tidak akan dilalui oleh anda semua. Saya telah melihat video tular itu di media sosial dan ingin memohon maaf kepada seluruh keluarga," ujarnya.

Muhammad Zaimuddin turut menggesa pihak berkuasa supaya menjaga integriti serta bertindak mengikut lunas undang-undang.

"Kepada pihak berkuasa, tolong jaga integriti dan bertindak mengikut undang-undang. Saya hanya mencari sesuap nasi bagi diri dan keluarga.

"Kami juga berhak menyambut hari raya seperti orang lain. Saya akan tetap lawan kerana perkara ini zalim," dakwanya.